



KOPASAN BHD

Koperasi Masjid Al-Firdaus
Parit Hassan Simpang Renggam Berhad

**Koperasi Masjid Al- Firdaus Parit
Hassan Simpang Renggam
Berhad**

LAPORAN TAHUNAN KOPASAN BERHAD

2025 – 2026

1	PERUTUSAN Pengerusi	1
2	PROFIL KOPERASI DAN AKTIVITI KOPERASI 2025	2-7
3	ATURCARA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4	8
4	NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI PERTAMA	9-11
5	AGENDA MESYUARAT	
5.1	Mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu;	12
5.2	Menimbang laporan-laporan Lembaga; dan meluluskan akaun teraudit Koperasi termasuk pembahagian keuntungan bersama laporan juruaudit;	12
5.3	Memilih 4 orang Anggota Lembaga bagi menggantikan Anggota Lembaga yang gugur mengikut giliran;	13
5.4	Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan 2026 -2027;	13
5.5	Meluluskan elaun kepada anggota lembaga;	14
5.6	Meluluskan pelantikan satu panel juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya	14
5.7	Memilih pelantikan tiga orang juruaudit dalaman	14
5.8	Menimbang dan meluluskan ruang lingkup had pelaburan wang lebihan Koperasi;	14
5.9	Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;	15
5.10	Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan;	15
5.11	Mendengar, menimbang dan memutuskan apa-apa usul atau hal urusan lain koperasi yang baginya satu notis tidak kuang daripada tujuh hari telah diberikan	15
5.12	Menimbang dan meluluskan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi	15

Perutusan Pengerusi



Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua warga koperasi yang dihormati.

Segala puji dan syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad dapat meneruskan perjalanan tahunannya dengan penuh ketabahan, komitmen, dan semangat kebersamaan. Saya bagi pihak Lembaga Koperasi merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua anggota yang terus memberikan sokongan, kepercayaan, dan kerjasama dalam menggerakkan koperasi ini.

Tahun ini merupakan satu lagi fasa penting dalam usaha kita memperkukuh asas kewangan, memperkemas tadbir urus, serta memperluas peluang pembangunan ekonomi anggota. Walaupun berdepan kekangan kewangan dan sumber yang terhad, kita tetap berusaha mencari ruang pertumbuhan melalui perancangan strategik, disiplin pengurusan, dan sokongan padu daripada anggota.

Sepanjang tahun ini, beberapa perkembangan positif telah berjaya direalisasikan, antaranya usaha awal pembangunan projek sawit diteruskan sebagai sumber pendapatan jangka panjang koperasi. Pokok kelapa sawit kini telah mula mengeluarkan buah. Insya Allah dengan izin-Nya kita akan mendapatkan hasil tidak lama lagi. Kita juga membuat penambahbaikan dalam dokumentasi, rekod kewangan, dan pematuhan kepada garis panduan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)

Saya yakin bahawa dengan kesatuan hati, disiplin pengurusan, dan sokongan padu daripada anggota, koperasi kita mampu berkembang menjadi sebuah entiti ekonomi yang memberi manfaat besar kepada komuniti Masjid Al-Firdaus dan kawasan sekitarnya.

Akhir kata saya merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Anggota Lembaga Pengarah Koperasi serta para anggota yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen. Semoga Allah SWT memberkati segala usaha kita dan menjadikan koperasi ini sebagai wadah kebajikan, kemajuan dan kesejahteraan bersama.

Sekian, terima kasih.

PROFIL KOPERASI



KOPASAN BHD

Koperasi Masjid Al-Firdaus
Parit Hassan Simpang Renggam Berhad

BIL	PERKARA	BUTIRAN
1	Nama Koperasi	: Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad
2	Tarikh Pendaftaran diluluskan	; 23 Mei 2019
3	No Pendaftaran	: J-5-1461 Ruj : SKM.IP.(PEND)J-1444/(3)
4	Alamat	: D/A Masjid Al-Firdaus, Kampung Parit Hassan, 86200 Simpang Renggam, Johor Darul Takzim
5	Nama /No Telefon Pengerusi	: Hj Md Judyar bin Malik / 0197425185
6	Nama /No Telefon Setiausaha	: Hj Amiruddin bin Abd Manaf / 0197672532
7	Nama /No Telefon Bendahari	: En Zamri bin Katimin / 0127615891
8	Email	: Kopasan2019@gmail.com
9	Bank	: RHB Bank Berhad
10	Nama Akaun Bank	: Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Johor
11	No. Akaun Bank	: 25131100007092

KAWASAN OPERASI

- Seluruh Negeri Johor

KELAYAKAN AHLI

- Keahlian Terbuka kepada semua

FUNGSI KOPERASI

- Pertanian dan Perkhidmatan

JUMLAH ANGGOTA BERDAFTAR

- 61 orang.

Fi MASUK & SYER

- Setiap anggota dikenakan Fi Masuk sebanyak RM20
- Syer Saham anggota minima sebanyak RM200

KOPASAN BERHAD MENERAJUI PERUBAHAN

Kami komited untuk menyediakan perkhidmatan berkualiti kepada masjid dan komuniti. Kebersamaan kita adalah asas perkhidmatan yang memberi manfaat kepada semua

Sejarah Penubuhan : Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad (KOPASAN BERHAD) Ditubuhkan Pada Tahun 2019. Koperasi Ini Didaftarkan Pada 23. Mei 2019 Di Bawah Akta Koperasi 1948. Tujuan koperasi ini ditubuhkan adalah untuk membantu pengurusan Masjid Al-Firdaus meningkatkan kualiti infrastruktur dan pengurusan berkaitan program-program Masjid Al-Firdaus Kampung Parit Hassan

Visi Koperasi

Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad (KOPASAN BERHAD) menjadi koperasi yang unggul dalam meningkatkan pendapatan dalam membantu memajukan kesejahteraan masjid dan komuniti

Misi Koperasi

1. Meningkatkan Sumber Pendapatan Komuniti:
 - 1.1. Membantu anggota koperasi dan kariah masjid dalam mengembangkan sumber pendapatan yang halal.
 - 1.2. Menyediakan akses kepada modal dan kewangan yang mendukung usaha ekonomi kariah
2. Memperkuat Kesejahteraan Sosial:
 - 2.1. Membangun jaringan sosial dalam komuniti masjid.
 - 2.2. Menyediakan bantuan sosial kepada anggota yang memerlukan
3. Mendukung Pembangunan Infrastruktur Masjid:
 - 3.1. Mengumpulkan dana dan sumber untuk pembangunan dan pemeliharaan infrastruktur masjid.



Laman Web Koperasi Masjid Al-Firdaus
Parit Hassan Simpang Renggam Berhad.

Sila scan Kod QR di sini

Barisan Ahli Lembaga Pengarah KOPASAN Sesi 2025-2026



Pengerusi
Hj. Md Judyar Bin Malik



Setiausaha
Hj. Amiruddin bin Abd Manaf



Bendahari
En. Mohd Zamri Bin Katimin



ALK
En. Mohd Ismadi Bin
Ismail



ALK
En. Mohamad Zamzila
Bin Sarmo



ALK
Hjh Ronirah Binti
Kosni



ALK
Hj. Mohd Nazid Bin
Baruji



ALK
Hj. Musa Bin Marzuki



ALK
Pn. Arminah Binti
Kosni



ALK
En. Moftar Bin Jikan

Aktiviti-aktiviti koperasi sepanjang Tahun

1. Projek Penanaman Kelapa Sawit



Program Tanaman Kelapa Sawit seluas 7 ekar di Batu 6 Simpang Renggam. Pajakan selama 25 tahun. Perkembangan pokok kelapa sawit yang pertama kali mengeluarkan buah.

2. Majlis Penyerahan Cek Cura Geran Pemerksaan Sektor Pertanian Koperasi Sempena Program Jelajah Orang Johor Dun Larkin



Pihak koperasi telah diberikan sebanyak RM 10000 untuk dibawah Geran Permerkasaan Sektor Pertanian pada 12 Oktober 2025 jam 8.30 malam di Arena Akuatik MBB Larkin yang disampaikan oleh Dato' Zahari bin Sarip. Hj. Amiruddin telah pergi sebagai wakil koperasi pada malam itu.

3. Taklimat Smart Farming Vertical Hidroponic Tower



Taklimat Smart Farming Vertical Hidroponic Tower telah diadakan pada 27 Oktober 2025 di Hotel Pinetree Batu Pahat jam 10.00 pagi yang diwakili oleh Hj. Amiruddinbin Abd Manaf dan Insyirah binti Amiruddin

4. Pelaksanaan Smart Farming Vertical Hidrofonik Tower



Geran Pemerkasaan Sektor Pertanian sebanyak RM 10000 telah digunakan oleh Projek Smart Farming Vertical Hidrofonik Tower dijalankan di Parit Mahang, Batu Pahat anjuran SKM Johor, Hasil jualan tanaman ini akan dijual dan keuntungan akan diagihkan kepada koperasi-koperasi yang terlibat dalam program ini.

5. Klinik Akaun Koperasi 2025



Klinik Akaun Koperasi 2025 ini telah diadakan pada 12 dan 13 November 2025 di Bilik Mesyuarat Cempaka, Tingkat 2, Bangunan Persekutuan Kluang yang dihadiri oleh Hj. Amruddin .Pihak koperasi telah menyerahkan dokumen untuk diaudit oleh pihak SKM.

6. Program Jejak Ukhwah



Pihak koperasi telah dipanggil untuk program Jejak Ukhwah yang diadakan pada 27 Februari 2026 jam 5.30 petang hingga 8.30 malam bertempat di Dewan Jubli Perak, Johor Bahru.

Hj Amiruddin bin Abd Manaf dan Hj. Musa bin Marzuki telah mewakili koperasi untuk program ini. Koperasi telah menerima sebanyak 13 set kain kafan lelaki dan 13 set kain perempuan.

7. Penyerahan Set Kain Kafan kepada Amal Team.



Penyerahkan set Kain Kafan kepada Amal Team sebanyak 13 set Kain Kafan lelaki dan 13 set Kain Kafan Perempuan untuk pengurusan jenazah.

8. Program Penyediaan Bubur Lambok



Aktiviti penyediaan Bubur Lambok telah dilaksanakan sebanyak dua kali iaitu pada 14/03/2025 dan 21/03/2025 sebanyak 3 periuk sempena bulan Ramadhan. Bubur ini diagihkan kepada jemaah selepas Solat Jumaat.

ATURCARA
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-4

TARIKH : 26 JUN 2026

MASA : 3.00 PETANG

**TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG
PARIT HASSAN, SIMPANG
RENGGAM**

MASA	ACARA
2.30 – 3.00 pm	Pendaftaran dan Ketibaan VIP
3.00 – 4.00 pm	• Bacaan Doa • Ucapan alu-aluan oleh Pengerusi KOPASAN Berhad Tn Hj. Md. Judyar bin Malik • Ucapan Perasmian oleh YAB Datuk Onn Hafiz Bin Dato' Ghazi, Menteri Besar Johor
4.00 – 5.00 pm	Mesyuarat Agung Tahunan Bersidang
5.00 – 5.30 pm	Jamuan dan Bersurai

Notis Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke-4

KOPERASI MASJID AL-FIRDAUS PARIT HASSAN SIMPANG RENGAM BERHAD
D/A MASJID AL-FIRDAUS KAMPUNG PARIT HASSAN,
86200 SIMPANG RENGAM, JOHOR DARUL TA'ZIM

No. Rujukan : KOPASAN 3 2026 (2)
Tarikh : 3 JUN 2026

Ahli Koperasi KOPASAN Berhad

Tuan/Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KETIGA KOPERASI MASJID AL-FIRDAUS PARIT HASSAN SIMPANG RENGAM BERHAD

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali-4 pada tarikh, masa dan tempat seperti ketetapan berikut:-

TARIKH : 26 JUN 2026 (JUMAAT)
MASA : 3.00 PETANG
TEMPAT : DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG PARIT HASSAN
KAMPUNG PARIT HASSAN, 86200 SIMPANG
RENGGAM, JOHOR

Agenda:

- a) Mengesahkan minit mesyuarat agung tahunan yang terdahulu;
- b) Menimbang laporan-laporan Lembaga dan Jawatankuasa Audit Dalam;
- c) Menimbang dan meluluskan akaun teraudit Koperasi termasuk pembahagian keuntungan bersama laporan juruaudit;
- d) Memilih 4 orang Anggota Lembaga bagi menggantikan Anggota Lembaga yang gugur mengikut giliran;
- e) Menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan koperasi bagi tahun kewangan 2025/2026;
- f) Meluluskan elaun kepada anggota lembaga;
- g) Meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang dua orang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya;
- h) Menimbang dan meluluskan ruang lingkup had pelaburan wang lebihan Koperasi;
- i) Menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi;
- j) Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan empat orang Anggota Lembaga untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Tahunan;

- k) Mendengar, menimbang atau memutuskan apa-apa usul atau hal urusan lain Koperasi yang baginya suatu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan.

3. Sehubungan dengan itu, Tuan/Puan adalah dikehendaki hadir bagi menyempurnakan tanggungjawab. Kehadiran tuan/puan adalah wajib dan WAKIL TIDAK DIBENARKAN bagi tujuan kelancaran perjalanan Mesyuarat Agung tersebut.

4. Bersama-sama ini disertakan pautan Kod QR Buku Laporan Tahunan Mesyuarat Agung untuk rujukan Tuan/Puan.



Selepas scan QR Code sila pilih /klik Laporan Tahun 2025

5. Disertakan juga Lampiran 1 berkaitan kehadiran dan usul/cadangan hendaklah dihantar kepada Setiausaha Koperasi di peti surat masjid pada atau sebelum 19 JUN 2026 jam 12.00 tengah hari.

Sekian, untuk makluman dan tindakan pihak tuan. Terima kasih.

Yang Menjalankan Amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Judyar', followed by a dotted line indicating the signature area.

(HJ. MD JUDYAR BIN MALIK)

Pengersi,

Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad

Kepada
Setiausaha
Koperasi Masjid Al-Firdaus Parit Hassan Simpang Renggam Berhad,
D/A Masjid Al-Firdaus Kg Parit Hassan,
86200 Simpang Renggam.
Johor.

Saya No Kad Pengenalan
akan **hadir / tidak hadir*** ke Mesyuarat Agung Koperasi yang akan diadakan pada
26 JUN 2026 (JUMAAT)

Sekian. Terima kasih.

* Sila potong mana yang tidak berkenaan

Berikut adalah usul / cadangan (sekiranya ada.)

1	
2	
3	

Sekian. Terima kasih.

Yang benar

.....
()

Sila kembalikan lampiran ini sebelum 19 Jun 2026 (Jumaat) di alamat di atas.

Melantik Pengerusi Sementara

Pengerusi Sementara :

Pencadang :

Penyokong :

Minit Mesyuarat Agung Kali ke-3

Kod QR untuk softcopy minit mesyuarat agung ke-3



Sila Klik Minit Mesyuarat kali ke-3 untuk disahkan

Agenda 1

Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Kali ke- 3

Pencadang :

Penyokong :

Agenda 2

Laporan Akaun Teraudit Koperasi 2025

Laporan Akaun Terudit Koperasi 2025 tidak dapat dibentangkan kerana laporan ini belum disiapkan oleh Audit SKM. Pihak koperasi telah memohon kebenaran dari SKM untuk menjalankan Mesyuarat Agung Tahunan Tanpa Pembentangan Laporan Kewangan Teraudit.

Agenda 3

Memilih 4 orang Anggota Lembaga bagi menggantikan Anggota Lembaga yang gugur mengikut giliran;

4 orang Anggota Lembaga Koperasi yang digugurkan adalah seperti berikut

1. En Mohd Zamri Bin Katimin
2. Hj. Mohd Nazid Bin Baruji
3. En Moftar bin Jikan
4. Pn Arminah binti Kosni

4 orang Ahli Anggota Lembaga Koperasi yang baru dicalonkan

Bil	Nama ALK Baru	Nama Pencadang	Nama Penyokong
1			
2			
3			
4			

Agenda 4

Menimbang dan meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2025/2026

BELANJAWAN AKTIVITI PENANAMAN KELAPA SAWIT KOPERASI ANGGARAN UNJURAN DUA (2) TAHUN HADAPAN

Bahagian	Perkara / Sumber Wang	Anggaran Tahun 2026 (RM)	Anggaran Tahun 2027 (RM)	Nota / Sasaran Ringkas
A. DUIT MASUK				Sasaran hasil meningkat selepas pokok dibaja dengan cukup.
	1. Jualan Buah Sawit (BTS)	13860	23100	
	2. Yuran /Saham Ahli	1100	1100	Jangkaan pertambahan 5 orang ahli baru setahun.
	JUMLAH DUIT MASUK (A)	14,960	24,200	Target keseluruhan pendapatan koperasi.
B. DUIT KELUAR	i. Kos Ladang Sawit			
	1. Pembelian Baja	3150	4410	Anggaran harga baja naik 5-8% di pasaran.
	2. Racun & Kebersihan Ladang	1200	1400	Kos mengekalkan lorong tuai bersih.
	3. Upah Menuai & Mengangkut	1960	3185	Upah meningkat selari dengan pertambahan hasil buah.
	ii. Kos Pentadbiran			
	4. Elaun Mesyuarat (ALK)	800	800	(RM20 X 4 kali X 10 orang).

	5. Kos Mesyuarat Agung (AGM)	2000	3000	Peruntukan tambahan untuk saguhati kehadiran ahli.
	6. Fi Juruaudit	1000	1000	
	7. Wang Rezab Statutori	482	482	
	JUMLAH DUIT KELUAR (B)	10,592	14,277	Target had maksimum perbelanjaan.
C. BAKI WANG	LEBIHAN (UNTUNG BERSIH)	4,368	9,923	Duit untung untuk simpanan / dividen ahli.

Meluluskan Belanjawan

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 5

Meluluskan elaun kepada anggota lembaga

Elaun Anggota Lembaga adalah RM

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 6

Meluluskan perlantikan satu panel juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya. Memilih dan meluluskan perlantikan 3 orang juruaudit dalaman terdiri daripada ahli koperasi.

Panel yang dilantik adalah Juruaudit SKM Johor

Bil	Nama Juruaudit Dalaman	Pencadang	Penyokong
1			
2			
3			

Agenda 7

Meluluskan perlantikan satu panel juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya.

Panel yang dilantik adalah Juruaudit SKM

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 8

Menimbang dan meluluskan Had Pelaburan Wang Lebihan Koperasi

Had Pelaburan Wang Lebihan Koperasi : RM

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 9

Menentukan Had keberhutangan koperasi

Had keberhutangan Koperasi : RM

1, Pencadang :

2. Penyokong :

Agenda 10

Melantik Jawatan Kuasa yang terdiri daripada enam orang anggota dan 4 orang Anggota Lembaga Koperasi untuk menentusahkan draf minit mesyuarat

6 anggota Koperasi adalah seperti berikut :

Bil	Nama	Nama Pencadang	Nama Penyokong
1			
2			
3			
4			
5			
6			

4 orang Anggota Lembaga Koperasi adalah seperti berikut :

Bil	Nama	Nama Pencadang	Nama Penyokong
1			
2			
3			
4			

Agenda 11

Mendengar, menimbang dan memutuskan apa-apa usul atau hal urusan lain koperasi yang baginya satu notis tidak kurang daripada tujuh hari telah diberikan

Usul -usul yang diterima :

1.
2.
3.

Agenda 12

Menimbang dan meluluskan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi

Pindaan Undang -Undang Koperasi : Tiada